

# MESYUARAT AGUNG TAHUNAN WISMA BINTARA PU SUBANG 2018 SNCO EMPOWERMENT

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3116-mesyuarat-agung-tahunan-wisma-bintara-pu-subang-2018-snco-empowerment](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3116-mesyuarat-agung-tahunan-wisma-bintara-pu-subang-2018-snco-empowerment)

SUBANG, 27 Feb 18 - Mesyuarat Agung Tahunan Wisma Bintara Pu Subang 2018 telah di hadiri seramai 500 Ahli Wisma dan telah di rasmikan oleh Komander Pangkalan Udara Subang, YBhg Brig Jen Dato' Haji Shamsudin bin Kassim TUDM yang bertempat di Dewan Utama Wisma Bintara, Pangkalan.



Mesyuarat Agung Tahunan Wisma Bintara ini telah menyaksikan penyerahan Chair Back sebagai simbolik peralihan pucuk Pimpinan Wisma Bintara Pangkalan Udara Subang di antara PW U I Jubin Anak Bilon dan PW U I Muhamad Sahim bin Hussain.



Tujuan utama diadakan Mesyuarat Agung Tahunan ini adalah bagi melantik barisan Ahli Jawatankuasa yang baharu serta membincangkan perkara-perkara berbangkit dan usul-usul serta cadangan yang baharu bagi menambahbaik pengurusan dan manfaat kepada ahli-ahli wisma.



Turut hadir Pegawai Penjaga Wisma Bintara Pangkalan Udara Subang, Lt Kol Raznudeen Bin Abd Jabbar TUDM, Presiden Wisma, PW U I Rafieen bin Abd Aziz dan Penasihat Wisma, PW U I MD Nawib bin Kamis.